

# 'Anwar tokoh paling layak jadi Menteri Kewangan'

Rafizi sangkal dakwaan pemulihan ekonomi gagal kerana PM pegang dua jawatan

Oleh Rohaniza Idris dan Latifah Arifin  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli menyangkal dakwaan bahawa kegagalan pemulihan ekonomi negara pada ketika ini, satu daripadanya berpunca kerana jawatan Menteri Kewangan disandang oleh Perdana Menteri.

Beliau juga tidak bersetuju dengan saranan Ahli Parlimen Pagoh, Tan Sri Muhyiddin Yassin supaya Datuk Seri Anwar Ibrahim melantik seorang Menteri Kewangan penuh bagi menguruskan hal ekonomi negara.

Katanya, Perdana Menteri antara individu paling layak memegang jawatan Menteri Kewangan dalam memastikan isu tata kelola perolehan telus dan tidak berlaku seperti pentadbiran terdahulu.

"Tokoh paling baik untuk menjadi Menteri Kewangan adalah Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana Perdana Menteri ada tanggungjawab pa-



Rafizi pada sidang Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, semalam.

(Foto BERNAMA)

ling besar untuk memastikan tata kelola perolehan berjalan dengan baik bagi mengelak berlaku ketirisan.

"Perdana Menteri juga dapat memastikan tata kelola perolehan itu dilaksanakan benar-benar telus, kita tidak mahu berlaku ketirisan seperti (yang berlaku) kepada rakan sebelah sana memabitkan isu Jana Wibawa.

"Sebab itu pada pandangan saya, tokoh paling baik untuk menjadi Menteri Kewangan ialah Perdana Menteri," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Muhyiddin (PN-Pagoh) berhubung bidang kuasa Menteri Kewangan

yang dipegang Perdana Menteri ketika ini, perlu diberikan kepada tokoh lain supaya lebih fokus dalam usaha pemulihan ekonomi.

## Bersama pacu ekonomi

Rafizi berkata, tugas merungkai pemasalahan ekonomi bukan hanya tugas Menteri Kewangan, sebaliknya ia tugas bersama Jemaah Menteri.

Menjawab soalan tambahan Muhyiddin mengenai dakwaan rakyat dan penganalisis politik tidak yakin dengan proses pemulihan ekonomi dilaksanakan kerajaan ketika ini, Rafizi berkata, pembangkang jangan 'menunggang' nama rakyat jika tidak bersetuju dengan usaha kerajaan me-

laksanakan pemulihan ekonomi negara ketika ini.

Katanya, pemulihan ekonomi dapat dilihat melalui pencapaian kerajaan dalam pertumbuhan ekonomi yang menyaksikan berlaku tiga kali berturut-turut bagi setiap suku tahun.

"Buat pertama kalinya sejak bertahun-tahun, pertumbuhan ekonomi negara menyaksikan peningkatan dari satu suku ke suku yang lain dan berlaku dalam tiga suku tahun ini.

'Dekat mana Pagoh (Muhyiddin) kata ekonomi kita tidak pulih, saya nak tanya semasa Pagoh jadi kerajaan dalam 33 bulan, pernahkah ada tiga suku berturut-turut pertumbuhan dari suku ke suku, tidak pernah ada.

"Ini kali pertama sejak bertahun-tahun yang kita menyaksikan pertumbuhan ekonomi dari satu ke satu suku berlaku dalam tiga suku berturut-turut yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

"Kemiskinan paling rendah, kenaikan gaji lebih tinggi daripada sebelum ini, pertumbuhan ekonomi ke arah momentum yang baik dan inflasi paling rendah.

"Jadi, bahagian mana Pagoh dan rakyat tiada keyakinan, sedangkan kita lihat sedikit demi sedikit keyakinan itu sudah pulih, termasuk pelaburan.

"Kalau Pagoh dan Perikatan Nasional (PN) tidak yakin tidak mengapa, tapi jangan salah guna dan 'menunggang' nama rakyat dan pelabur lain," katanya.